

**NOTA PENERANGAN
BORANG B
ORANG PERSEORANGAN**

**TAHUN TAKSIRAN
2004**

SISTEM TAKSIR SENDIRI



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Nota ini bertujuan membantu tuan/puan melengkapkan Borang B bagi Tahun Taksiran 2004. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisyiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2004 adalah benar dan lengkap.

Bagi individu berkahwin yang memilih untuk ditaksir bersama dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, sama ada taksiran dibuat atas nama suami atau isteri, kedua-dua suami isteri perlu mengisi Borang B/B/E yang berasingan.

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengembalian Borang B KECUALI baucer dividen asal untuk kes pembayaran balik.

Walau bagaimanapun, ianya perlu disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang cukai pendapatan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, untuk rujukan dan semakan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sekiranya diperlukan kelak.

MAKLUMAT ASAS

1 hingga

7

Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Untuk ruangan no. rujukan cukai, isikan **SG** atau **OG** dipetak yang berkenaan dan diikuti dengan no. rujukan di petak yang disediakan.

BAHAGIAN A:

MAKLUMAT INDIVIDU

A1 hingga

A21

Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Gunakan kod negara yang disediakan di muka surat 9 nota penerangan ini.

BAHAGIAN B:

MAKLUMAT SUAMI / ISTERI

B1 hingga

B7

Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format B1 hingga B7 dan kemukakan bersama Borang B.

BAHAGIAN C:

PENDAPATAN BERKANUN DAN JUMLAH PENDAPATAN

C1 hingga

C9

PERNIAGAAN

Keuntungan yang diperolehi dari menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion dikenakan cukai. Perolehan dan keuntungan termasuk terimaan kasar daripada penjualan barang-barang dan terimaan dari pemberian perkhidmatan seperti doktor atau peguam.

PERKONGSIAN

Pembahagian keuntungan / kerugian yang diperolehi dari menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion dikenakan cukai.

ELAUN MODAL

Sebagai ganti kepada tuntutan susut nilai aset. Kadar elaun bergantung kepada jenis aset.

RUGI PERNIAGAAN BAWA HADAPAN

Kerugian perniagaan / perkongsian dari tahun terdahulu yang belum ditolak dan dibawa ke tahun semasa untuk ditolak daripada punca perniagaan / perkongsian sahaja.

C10 PENGGAJIAN

Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit (seperti skim opsyen saham, premium insurans/yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan) hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan, ia tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan dan juga tidak dikenakan cukai.

Ganjaran

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan / tamat kontrak.

Manfaat Berupa Barang (MBB)

Nilai tahunan manfaat berupa barang yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, telefon bimbit, hiburan dan kelab rekreasi.

Nilai Tempat Kediaman

Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia.

Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan

Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat penggajian.

Pampasan

Bayaran yang dibuat oleh majikan kerana kehilangan pekerjaan. Pampasan dikecualikan sebanyak RM6,000 bagi tiap-tiap satu tahun genap perkhidmatan dengan majikan / kumpulan syarikat yang sama.

Yuran Kepada Badan Profesional

Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian yang wajib untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dengan menjalankan pekerjaan. Misalnya bayaran profesion perubatan atau guaman.

C11 hingga C22

DIVIDEN

Sekiranya tuan/puan mempunyai pendapatan berpuncu dari dividen dan layak menuntut pembayaran balik, sila sertakan baucar dividen asal dan Helaian Kerja HK-3 bersama Borang B.

FAEDAH

Semua faedah dikenakan cukai KECUALI:

- (i) Faedah/bonus daripada Bank Simpanan Nasional atau Lembaga Tabung Haji.
- (ii) Faedah/laba atas deposit sehingga RM100,000 dalam akaun simpanan dengan bank-bank/syarikat kewangan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Bank Pertanian Malaysia, Malaysia Building Society Bhd., Borneo Housing Mortgage Finance Bhd. dan koperasi berdaftar dan institusi lain diluluskan oleh Menteri.
- (iii) Faedah/laba atas deposit sehingga RM100,000 dalam simpanan tetap/akaun pelaburan bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan dengan institusi/bank-bank di perenggan (ii).
- (iv) Faedah/laba atas deposit dalam simpanan tetap/akaun pelaburan selama 12 bulan atau lebih dengan institusi/bank-bank di perenggan (ii).

Bagi individu pemastautin, faedah yang dikenakan cukai pegangan sebanyak 5% tidak perlu dilaporkan.

DISKAUN

Pendapatan diskau berpuncu daripada pelaburan seperti bil perpendaharaan.

SEWA

Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain.

ROYALTI

Penerimaan dari penggunaan hakcipta / paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai:

Jenis Royalti	Pengecualian (RM)
(i) Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera	6,000
(ii) Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan	12,000
(iii) Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / pengubahsuaian muzik	20,000

PENCEN

Pencen yang diterima dari Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan jika bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan yang wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran. Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.

ANUITI

Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.

BAYARAN BERKALA LAIN

Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.

APA-APA PEROLEHAN ATAU KEUNTUNGAN LAIN

Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha / pekerjaan sampingan atau sambilan.

TAMBAHAN MENGIKUT PERUNTUKAN PERENGGAN 43(1)(c)

Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambilkira di peringkat pendapatan agregat.

- Perolehan berkaitan dengan
 - * Perbelanjaan operasi mencarigali di bawah Jadual 4 ACP 1967.
 - * Perbelanjaan ladang yang layak di bawah Jadual 4A ACP 1967.
- Perolehan boleh diambilkira dalam pengiraan cukai jika tuntutan-tuntutan perbelanjaan telah dibuat.
- Rujuk kepada perenggan 43(1)(c), perenggan 16 Jadual 4 dan perenggan 7 Jadual 4A untuk membuat pengiraan dalam menentukan pendapatan agregat.

RUGI PERNIAGAAN TAHUN SEMASA

Kerugian perniagaan tahun semasa boleh ditolak daripada jumlah pendapatan agregat/terkumpul. *Contoh:* kerugian perniagaan pada tahun 2004 ditolak daripada pendapatan agregat bagi tahun 2004.

PERBELANJAAN MENCARIGALI - JADUAL 4 DAN PERENGGAN 44(1)(b)

Seseorang yang menanggung perbelanjaan dalam mencari atau mendapat akses kepada simpanan galian dalam suatu kawasan yang layak, boleh memilih untuk menuntut sebagai potongan.

PERBELANJAAN LADANG YANG LAYAK - JADUAL 4A DAN PERENGGAN 44(1)(b)

Perbelanjaan ladang yang layak meliputi perbelanjaan bagi pelaksanaan projek pertanian yang diluluskan. Sebagai contoh, perbelanjaan modal atas pembersihan tanah, penanaman suatu tanaman, pembinaan jalan dan perbelanjaan ladang lain yang layak boleh dituntut dan dibenarkan sebagai potongan.

C24 hingga

C29

DERMA DAN HADIAH

HADIAH WANG KEPADA KERAJAAN / KERAJAAN TEMPATAN ATAU INSTITUSI YANG DILULUSKAN

Hadih wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, mana-mana institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

HADIAH ARTIFAK, MANUSKRIP ATAU LUKISAN

Hadih artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Muzium Negara atau Ketua Pengarah Arkib Negara.

HADIAH WANG KEPADA PERPUSTAKAAN

Sumbangan wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah/institusi pendidikan tinggi.

HADIAH WANG ATAU SUMBANGAN MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB) BAGI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN DI TEMPAT AWAM UNTUK ORANG YANG HILANG UPAYA

Hadih wang atau sumbangan MBB yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang hilang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.

HADIAH WANG ATAU KOS PERALATAN PERUBATAN KEPADA MANA-MANA BADAN RAWATAN KESIHATAN

Hadih wang atau kos peralatan perubatan tidak melebihi RM20,000 yang diberikan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

HADIAH LUKISAN KEPADA BALAI SENI LUKIS NEGARA ATAU BALAI SENI LUKIS NEGERI

Hadih lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri.

C32 hingga

C33

Bagi Borang B suami / isteri yang pendapatannya ditaksir di bawah nama pasangan, beliau perlu mengisi "0" di ruangan **C32**. Ruang-ruang **C33a** dan **C33b** perlu diisi. Bayaran ansuran atau potongan cukai yang telah dibuat di atas nama beliau perlu dipindahkan ke ruang **F3** Borang B/BE pasangan yang dikenakan cukai.

C34a hingga

C34c

PENDAPATAN BAGI TAKSIRAN BERSAMA

Bahagian ini perlu diisi oleh individu di mana taksiran bersama dikeluarkan atas namanya.

BAHAGIAN D:**PELEPASAN DAN PENDAPATAN BERCUKAI****D1** hingga **D20****INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN**

Pelepasan diri berjumlah RM8,000 untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a)

PERUBATAN IBU BAPA

Perubatan ibu bapa terhad kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(c)

PERALATAN SOKONGAN ASAS

Pembelian alat sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami, isteri, anak atau ibu bapa yang hilang upaya dihadkan kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(d)

INDIVIDU YANG HILANG UPAYA

Pelepasan tambahan RM5,000 diberi kepada individu yang hilang upaya. Perenggan 46(1)(e)

YURAN PENDIDIKAN

Bayaran yuran tahunan terhad kepada RM5,000 dibenarkan sebagai potongan untuk kursus pembelajaran sehingga ke peringkat tinggi (sehingga ke peringkat lepasan ijazah) di mana-mana institusi di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi maksud meningkatkan kemahiran atau kelayakan dalam bidang teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi maklumat. Perenggan 46(1)(f)

PERUBATAN BAGI PENYAKIT YANG SUKAR DIUBATI

Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati bermaksud rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom kurang daya tahan (AIDS), penyakit Parkinson, kanser, kegagalan renal, leukaemia, jantung dan penyakit serupa yang lain. Perbelanjaan ini dihadkan kepada RM5,000 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak. Perenggan 46(1)(g)

PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH

Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM500 untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk D6 dan D7 adalah terhad kepada RM5,000. Perenggan 46(1)(h)

PEMBELIAN BUKU/MAJALAH

Perbelanjaan pembelian mana-mana buku, majalah, jurnal atau penerbitan (selain dari surat khabar atau bahan bacaan yang terlarang) untuk individu, suami / isteri atau anak dibenarkan sebagai potongan terhad kepada RM500. Perenggan 46(1)(i)

FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN

Pelepasan faedah pinjaman perumahan bagi perjanjian jual beli yang ditandatangani dalam tempoh 01.06.2003 – 31.05.2004 bagi pembelian rumah kediaman milikan pertama individu daripada pemaju perumahan, badan berkanun atau badan koperasi berharga tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM180,000 untuk dijadikan tempat tinggal sendiri. Seksyen 46A

Potongan yang diberikan adalah seperti berikut:-

- Tahun taksiran 2004 - sehingga RM3,000
- Tahun taksiran 2005 - sehingga RM2,000

Jika sekiranya terdapat:

- Dua atau lebih individu berhak menuntut potongan faedah yang dibelanjakan atas rumah kediaman yang sama dalam tahun berkenaan, dan
- Jumlah faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu terlibat adalah melebihi daripada amaan faedah yang dibenarkan dalam tahun berkenaan, maka setiap individu yang terlibat berhak menuntut potongan faedah bagi setiap tahun berkenaan mengikut pengiraan berikut:

Amaun faedah dibenarkan
dalam sesuatu tahun berkenaan

X

Jumlah faedah yang dibelanjakan
oleh individu berkenaan

Jumlah faedah yang dibelanjakan
oleh kesemua individu berkenaan

ISTERI

Pelepasan diberi sebanyak RM3,000 bagi isteri yang tinggal bersama dalam tahun asas dengan syarat isteri tiada pendapatan atau isteri memilih taksiran bersama. Perenggan 47(1)(a)

BAYARAN ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI

Bayaran nafkah kepada bekas isteri layak untuk pelepasan tetapi jumlah pelepasan untuk D10 dan D11 adalah terhad kepada RM3,000.

SUAMI

Pelepasan diberi sebanyak RM3,000 bagi suami yang tinggal bersama dalam tahun asas dengan syarat suami tiada pendapatan atau suami memilih taksiran bersama. Seksyen 45A

SUAMI / ISTERI YANG HILANG UPAYA

Pelepasan tambahan sebanyak RM2,500 diberi kepada seorang suami/isteri yang hilang upaya. Perenggan 47(1)(b) dan seksyen 45A

ANAKKelayakan 100%

Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut potongan anak sepenuhnya.

Kelayakan 50%

Ruang ini untuk diisi di mana dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan ke atas bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh dari potongan yang dibenarkan.

Subseksyen 48(4)

ANAK - DI BAWAH UMUR 18 TAHUN

Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun dalam tahun semasa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(a)

ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS YANG MASIH BELAJAR

- Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa adalah sebanyak RM1,000. Perenggan 48(1)(b)
- Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan lanjutan di **dalam Malaysia** adalah terhad kepada RM4,000 (tidak termasuk kursus berbentuk matrikulasi/persediaan). Subperenggan 48(3)(a)(i)
- Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas menerima pendidikan lanjutan di **luar Malaysia** dan mula belajar dalam tempoh-tempoh berikut:
 - (i) 01.01.1994 – 16.10.1997 RM2,000*
 - (ii) 17.10.1997 dan seterusnya RM1,000

*Jika amaun yang dibelanjakan melebihi amaun kelayakan, amaun yang dituntut hendaklah dihadkan kepada amaun kelayakan sahaja.

ANAK - HILANG UPAYA

Pelepasan untuk anak yang hilang upaya dibenarkan sebanyak RM5,000. Perenggan 48(1)(d)

INSURANS DAN KWSP

- Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan.
- Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau kumpulan wang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- Jumlah pelepasan untuk premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah terhad kepada RM5,000 untuk individu dan RM5,000 untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Sekiranya suami atau isteri memilih **taksiran bersama** premium insurans dan KWSP adalah terhad kepada **RM5,000**. Perenggan 49(1)(a), 49(1)(b), 49(1)(c), Subseksyen 49(1a)

Contoh:

Premium insurans dibayar oleh suami RM300 dan isteri RM5,500 dan pembayar cukai memilih taksiran bersama. Jumlah dibenarkan adalah terhad kepada **RM5,000** dan **bukannya RM5,800**. Dalam keadaan suami tidak mempunyai jumlah pendapatan, isteri akan ditaksir berasingan sebagai individu dan apa-apa perbelanjaan premium insurans oleh suami dianggap dibayar oleh isteri dan tuntutan potongan dibenarkan kepada jumlah terhad sahaja.

Walau bagaimanapun bagi caruman KWSP dibuat oleh suami dan suami tiada jumlah pendapatan, potongan bagi caruman KWSP tersebut tidak boleh dibenarkan ke atas pendapatan isteri. Begitu juga sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan.

INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN

Pelepasan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau faedah perubatan untuk individu, suami, isteri atau anak. Subseksyen 49(1B)

PREMIUM ANUITI KWSP

Pelepasan berasingan untuk premium anuiti sehingga RM1,000 kepada individu yang membeli anuiti melalui skim anuiti KWSP. Subseksyen 49(1c)

BAHAGIAN E:**CUKAI KENA DIBAYAR****E1** hingga**E14** CARA PENGIRAAN CUKAI**Cukai ke atas yang pertama**

Sesuaikan amaun di E1 Borang B (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan di dalam jadual cukai. (muka surat 8 nota penerangan ini)

Cukai ke atas baki*Contoh:*Pendapatan bercukai di **E1**: **RM5,500**Guna pengiraan di **kategori C** jadual cukai seperti berikut:

Cukai ke atas RM 5,000 yang pertama	RM 25.00
Cukai ke atas baki RM 500 @ 3%	RM 15.00
Jumlah cukai pendapatan	RM 40.00

Masukkan di ruang E2a dan E2b dalam Borang B seperti berikut:

Cukai ke atas yang pertama

		5	0	0	0
--	--	---	---	---	---

		2	5	0	0
--	--	---	---	---	---

Atas Kadar %

Cukai ke atas baki

		5	0	0	3		1	5	0	0
--	--	---	---	---	---	--	---	---	---	---

REBAT CUKAI INDIVIDU

Rebat cukai individu adalah sebanyak RM350 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a)

REBAT CUKAI SUAMI/ISTERI

Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak RM350 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM3,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c)

ZAKAT ATAU FITRAH

Bayaran zakat atau fitrah yang dibuat dalam tahun asas. Subseksyen 6A(3)

PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI

Rebat sebanyak RM400 diberikan kepada individu pemastautin yang membeli komputer peribadi. Rebат diberikan sekali dalam tempoh 5 tahun. Tiada rebat diberi jika komputer peribadi dibeli untuk digunakan bagi maksud perniagaan atau jika rebat telah diberikan kepada isteri atau suami. Subseksyen 6A(3A)

FI (LEVI)

Rebat diberi bagi fi yang telah dibayar oleh pemegang pas penggajian, pas lawatan (kerja sementara) atau pas kerja menurut mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta Fi 1951. Seksyen 6c

TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 110 (DIVIDEN)

Sertakan baucar dividen bersama pengiraan di Helaian Kerja HK-3 sekiranya tuan/puan layak menuntut pembayaran balik seperti di ruang E14 Borang B.

TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 110 (LAIN-LAIN)

Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, rolti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan yang dibahagikan daripada badan amanah.

BAHAGIAN F:**RUMUSAN CUKAI DAN BAYARAN****F1** hingga**F5**

Pelarasan antara cukai kena dibayar dan cukai telah dibayar (melalui PCB dan skim ansuran) dibuat dalam bahagian ini. Tuan/Puan akan diberi penyata bayaran sebaik sahaja bayaran ansuran terakhir dibuat atau sepatutnya dibuat.

BAHAGIAN G: PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN**G1** hingga**G3**

Pendapatan yang diterima berkenaan sesuatu tahun terdahulu yang belum dilaporkan.
Contoh: bayaran tunggakan gaji/bonus.

Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.

BAHAGIAN H:**PELUPUSAN SYER DALAM SYARIKAT HARTA TANAH DAN
PELUPUSAN HARTA TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN
CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH****H1** hingga**H2**

Sekiranya pelupusan syer/tanah/bangunan belum dilaporkan kepada LHDNM, sila hubungi Unit Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) di cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan tuan/puan.

BAHAGIAN J:**MAKLUMAT PENTADBIR HARTA PUSAKA****J1** hingga**J6**

Isikan maklumat yang berkenaan sahaja.

BAHAGIAN K:**MAKLUMAT PENDAPATAN PERNIAGAAN****K1** hingga**K3d**

Cara pengiraan dan maklumat terperinci berkenaan bahagian ini boleh didapati dalam Helaian Kerja Buku Panduan Borang B.

BAHAGIAN L:**PERBELANJAAN KHAS, POTONGAN SELANJUTNYA DAN
POTONGAN DUA KALI****L1** hingga**L5**

Gunakan kod tuntutan yang disediakan di muka surat 9 nota penerangan ini.

BAHAGIAN M:**TUNTUTAN INSENTIF****M1** hingga**M4****ELAUN JADUAL 7A**

Insentif ini diberi kepada peniaga individu yang menjalankan perniagaan penternakan ayam dan itik yang menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup.

Rujuk kepada seksyen 133A dan perenggan 1c Jadual 7A ACP 1967 untuk menentukan kelayakan; perenggan 1 dan perenggan 3 Jadual 7A ACP 1967 untuk membuat pengiraan.

Simpan dokumen asal berhubung dengan perbelanjaan modal yang layak, borang permohonan dan pengiraan elauan secara terperinci untuk semakan.

ELAUN PENINGKATAN EKSPORT PERKHIDMATAN

Rujuk kepada perkara 2, 3 dan 6 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2002 [P.U. (A) 57] untuk menentukan kelayakan.

PERBELANJAAN JADUAL 4

Baki perbelanjaan yang tidak dapat diserap sepenuhnya dalam tahun semasa (baki hantar hadapan) hendaklah dimasukkan ke ruang ini.

PERBELANJAAN JADUAL 4A

Baki perbelanjaan yang tidak dapat diserap sepenuhnya dalam tahun semasa (baki hantar hadapan) hendaklah dimasukkan ke ruang ini.

BAHAGIAN N:**MAKLUMAT KEWANGAN ORANG PERSEORANGAN****N1**

hingga

N47

Masukkan butiran seperti disediakan dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi serta Kunci Kira-Kira bagi tahun semasa dalam ruangan berkenaan.

AKUAN

Borang yang tidak diperakui dan ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan akan dikembalikan semula kepada tuan/puan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengembalikan semula borang ini kepada LHDNM.

**MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG
MENYEDIAKAN BORANG INI**

Bahagian ini perlu diisi, diperakui dan ditandatangani oleh ejen/wakil cukai yang menyediakan borang ini.

JADUAL CUKAI

KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a)	PENGIRAAN RM (b)	KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	0 - 2,500	2,500 pertama	0	0
B	2,501 - 5,000	2,500 berikutnya	1	25
C	5,001 - 10,000	5,000 pertama 5,000 berikutnya	3	25 150
D	10,001 - 20,000	10,000 pertama 10,000 berikutnya	3	175 300
E	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	7	475 1,050
F	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	13	1,525 1,950
G	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	19	3,475 3,800
H	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	24	7,275 7,200
I	100,001 - 150,000	100,000 pertama 50,000 berikutnya	27	14,475 13,500
J	150,001 - 250,000	150,000 pertama 100,000 berikutnya	27	27,975 27,000
K	Lebih 250,000	250,000 pertama setiap ringgit berikutnya	28	54,975

KOD NEGARA

Sebahagian negara-negara yang dikenalpasti. Tuan / Puan boleh merujuk kepada Lampiran E Buku Panduan Borang B untuk mendapatkan senarai lengkap.

Bil.	Nama Negara	Kod Negara	Bil.	Nama Negara	Kod Negara	Bil.	Nama Negara	Kod Negara
1	Australia	AU	11	Iran (Islamic R.O.)	IR	21	Philippines	PH
2	Bangladesh	BD	12	Iraq	IQ	22	Saudi Arabia	SA
3	Brunei	BN	13	Japan	JP	23	Singapore	SG
4	Cambodia	KH	14	Korea, D.P.R.	KP	24	South Africa	ZA
5	Canada	CA	15	Korea, R.O.	KR	25	Sri Lanka	LK
6	China	CN	16	Laos, D.P.R.	LA	26	Taiwan	TW
7	Denmark	DK	17	Malaysia	MY	27	Thailand	TH
8	Hong Kong	HK	18	Myanmar	MM	28	United Kingdom	GB
9	India	IN	19	New Zealand	NZ	29	United States	US
10	Indonesia	ID	20	Pakistan	PK	30	Vietnam	VN

Nota: R.O. = Republic of; D.P.R. = Democratic People's Republic of

KOD TUNTUTAN

TUNTUTAN / PERBELANJAAAN KHAS

Kod	Tuntutan
101	Peralatan orang hilang upaya
102	Terjemahan atau penerbitan buku yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
103	Perbelanjaan perpustakaan (maksimum RM100,000)
104	Perbelanjaan kebajikan
105	Perbelanjaan pusat penjagaan kanak-kanak untuk pekerja sendiri
106	Penubuhan kumpulan kesenian yang diluluskan
107	Perbelanjaan menganjur aktiviti kesenian atau kebudayaan tempatan serta negara-negara asing: ★ terhad RM300,000 bagi keseluruhan perbelanjaan ★ terhad RM200,000 bagi penganjuran kesenian dan kebudayaan negara asing
110	Perbelanjaan penyelidikan saintifik
114	Potongan bagi perbelanjaan berhubung dengan teknologi maklumat
116	Sumbangan bagi membantu pengubatan atau rawatan penyakit serius
117	Latihan amali kepada individu bukan pekerja
120	Pelaburan dalam syarikat modal teroka

POTONGAN SELANJUTNYA

Kod	Tuntutan
201	Premium insurans bagi pengimportan kargo
202	Penggajian bagi pekerja hilang upaya
204	Premium insurans bagi pengeksportan kargo
205	Bayaran pengangkutan bagi eksport keluaran berasaskan rotan dan kayu
208	Premium insurans bagi kredit eksport
212	Potongan bagi bayaran pengangkutan dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung Malaysia

POTONGAN DUA KALI

Kod	Tuntutan
301	Perbelanjaan hasil untuk penyelidikan yang diluluskan
302	Bayaran bagi penggunaan perkhidmatan institut atau syarikat penyelidikan yang diluluskan, syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak.
304	Perbelanjaan majikan ke atas kemudahan tambang percuma dalam Malaysia kepada pekerja dalam tempoh setahun mulai 1 Jun 2003 hingga 31 Mei 2004
305	Perbelanjaan majikan dalam mengambil bekerja graduan mengangur yang berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi. Potongan ini dibenarkan untuk tahun taksiran 2004 dan 2005 sahaja
306	Perbelanjaan untuk menggalakkan eksport perkhidmatan profesional

HK-3: TOLAKAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 110 (DIVIDEN)

Nama

No. Rujukan Cukai

- No. K/P - -

No. K/P

A horizontal subtraction problem consisting of three boxes for digits. The first box contains four empty squares, the second box contains two empty squares, and the third box contains four empty squares. A minus sign is positioned between the first and second boxes, and another minus sign is positioned between the second and third boxes.

No. Pendaftaran Perniagaan

Tahun Taksiran

1

A. Senarai pendapatan dividen

Bil.	Tarikh Bayaran	No. Waran/ No. Siri	Nama Syarikat	Dividen Kasar	Cukai Dipotong		Dividen Bersih
				RM	RM	sen	
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							
Jumlah							
Jumlah Dikasar Semula							

X

Y

B. Pengiraan dividen dikasarkan dan cukai dipotong.

Jika kadar cukai dipotong mengikut baucar/sijil dividen yang diterima berlainan dengan kadar cukai tahun taksiran semasa, sila gunakan formula berikut untuk mendapatkan jumlah dividen yang dikasarkan semula dan cukai dianggap telah dipotong.

- (i) Dividen dikasar semula (**X**) = Dividen bersih x [1/(1-Z*)]
 Masukkan hasil pengiraan ke bahagian **X** ruang **Dividen Kasar**

(ii) Cukai dianggap telah dipotong (**Y**) = **X** x Z*

* Di mana **Z** ialah kadar cukai tahun taksiran semasa syarikat.

C. Pengiraan Pendapatan Berkanun Dividen

(i) Dividen Kasar (X)

Tolak:

(ii) Faedah atas pinjaman yang dilakukan semata-mata
dalam menghasilkan pendapatan dividen tersebut

(iii) Pendapatan Berkanun
(pindahkan amaun (iii) ke ruang C2 Borang BE / C11 Borang B)

D. Tolakan cukai seksyen 110 (Dividen)

(amaun Y di atas)

(pindahkan amaun ini ke ruang E11 Borang BE/B)

Kemukakan Helaian Kerja ini bersama-sama baucar dividen yang asal jika tuan
layak menuntut bayaran balik seperti di ruang E14 Borang BE / B